

NOTIS UNTUK KEJADIAN PERDAGANGAN KOMODITI YANG TIDAK DILAKSANAKAN BAGI AKAUN SEMASA DAN SIMPANAN-i (1 APRIL 2022 HINGGA 5 APRIL 2022)

Pelanggan Yang Dihargai,

Kami ingin memaklumkan bahawa terdapat kesilapan teknikal dalam sistem yang dihadapi oleh Bank semasa menjalankan aktiviti Perdagangan Komoditi untuk penempatan Deposit Bersih Harian yang dibuat pada tempoh 1 April 2022 hingga 5 April 2022 seperti yang diringkaskan di bawah:

Tarikh Penempatan Deposit	Tarikh Perdagangan Komoditi	Transaksi Perdagangan Komoditi	Tertera dalam Notis Tawarruq ("NT") akhir tahun
1 April 2022 hingga 4 April 2022	2 April 2022 hingga 5 April 2022	Perdagangan Komoditi tidak berjaya dilaksanakan	Tiada transaksi akan dicetak dalam NT
1 April 2022 hingga 5 April 2022	6 April 2022	Perdagangan Komoditi kumulatif untuk penempatan Deposit Bersih Harian dari 1 April 2022 hingga 5 April 2022 telah dilaksanakan secara tidak betul	Transaksi yang tidak betul akan dicetak dalam NT

Pihak Bank telah membetulkan kesilapan tersebut dengan melaksanakan aktiviti Perdagangan Komoditi secara manual seperti yang telah dinasihati oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank bagi memastikan transaksi Tawarruq patuh Syariah. Oleh itu, transaksi Perdagangan Komoditi yang dilaksanakan secara manual tidak akan dipaparkan dalam NT anda.

Kami berharap sebarang kekeliruan yang mungkin anda alami apabila menerima NT anda telah dijelaskan. Selain itu, kami juga ingin mengesahkan bahawa kejadian terpencil seperti di atas tidak akan sama sekali menjejaskan keuntungan harian terakru yang telah dikreditkan ke dalam akaun anda setiap bulan.

Kami memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami dan penambahbaikan sistem akan terus dilaksanakan bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-2096 3000 atau e-mel ke enquiry@mbsbbank.com.

Terima Kasih.

Yang benar,
MBSB BANK BERHAD (No. Pendaftaran 200501033981) (716122-P)

